

Headline	Dua sahabat baik kongsi detik cemerlang Liga Malaysia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	173,387
Page No	31	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,060



Dua sahabat baik kongsi detik cemerlang Liga Malaysia

DUA sahabat karib, Zainal Abidin Hassan dan Dollah Salleh berada di puncak bola sepak negara ketika ini. Zainal bersama Pahang menerajui Liga Super. Dollah membimbing PDRM menerajui Liga Perdana.

Zainal mengharungi lima perlawanan tanpa kalah sejak mengambil pasukan daripada Ronald Smith. Skuad Tok Gajah-seri 2-2 di Kelantan, diikuti menang 3-1 Sarawak di Kuantan, 3-1 ke atas PKNS di tempat lawan, 2-0 mengatasi Perak pada 29 Mac di tempat sendiri dan terbaharu, mengalahkan T-Team 2-0 di Terengganu pada Sabtu lalu.

Kejayaan itu meletakkan Pahang sebagai peneraju Liga Super, dua mata di depan Terengganu dan Selangor yang berkongsi 20 mata.

Penyerang import, Dickson Nwakaeme yang dibawa dari Kelantan makin berbisa dengan lima gol dikejar rapat rakan sepasukan, penjarang gol kemenangan Piala Malaysia 2013 Matias Conti dengan empat gol.

Paulo Rangel import Selangor kini mendahului senarai penjarang terbanyak dengan sembilan gol. Selangor bertandang ke Ipoh bertemu pasukan tercorot, Perak kelmarin dengan mencatat kemenangan 1-0 menerusi penalti Rangel.

Ternyata pemain-pemain import menguasai saingan penjarang terbanyak. Selain Rangel sebagai pendahulu, Luciano Figueroa (JDT) tempat kedua dengan lima gol bersama Nwakaeme, diikuti Mohammad Ghadar (Kelantan), Juan Arostegui (ATM), Mathias Conti (Pahang) dan Shawky Yazid (Kelantan) dengan empat gol.

Dua pemain tempatan yang

menyerlah ialah S. Chanturu dari Sarawak dan bintang tengah Sime Darby, Fazrul Hasli Mohd. Kadri setara dengan Khairul Amri (LionsXII) yang telah menjaringkan tiga gol.

Liga Perdana kurang mendapat perhatian, namun saingan bagi menamatkan pusingan pertama dilihat makin menarik.

PDRM dan Pulau Pinang menduduki dua tangga teratas liga dengan berkongsi 26 mata, tujuh mata mengatasi pasukan tangga ketiga, Felda United. PDRM baru bermain 10 kali, sementara Pulau Pinang pula telah beraksi 11 kali.

Selepas menjulang Tok Gajah muncul juara Piala Malaysia tahun lalu, Dollah Salleh membawa

tuahnya bersama PDRM kali ini. Kelebihan tujuh mata dengan perbezaan jaringan yang besar (37 gol selepas 10 perlawanan) dijangka membantu PDRM mengisi slot ke Liga Super musim depan, meskipun saingan masih berbaki 12 perlawanan.

Syaratnya, mereka tidak leka dan terus beraksi konsisten. Mereka memiliki dua pemain import berbisa, Ali Ashfaq dari Maldives, Charles Souza Chad dan penjarang terbanyak tempatan Bobby Gonzales.

PDRM satu-satunya pasukan yang belum tewas, membelasah SPA FC 7-1 dalam perlawanan terakhir, Jumaat lalu dan akan berdepan UiTM hari ini. Satu lagi tempat ke Liga Super 2015 mungkin menjadi rebutan di antara Pulau Pinang, Felda, JDT II atau Negeri sembilan. Jangan lupa Kedah dan Sabah mampu bangkit.

Felda yang dikendalikan oleh Irfan Bakti menduduki tempat ketiga dengan 19 mata selepas 10 perlawanan. Mereka akan menjadi tuan rumah kepada Kedah hari ini.

Pasukan yang dibarisi bintang tempatan ini ternyata lambat panas tetapi kini dilihat sudah mendapat momentum untuk terus ke depan. Sang Peneroka memiliki Edward L Wilson yang telah mengumpul 10 gol, termasuk hatrik ketika membantu pasukan menewaskan Perlis 5-1. Jangan lupa Felda juga memiliki Indrãputra Mahyudin yang telah meledak empat gol dan Haris Safwan.

Empat tempat seterusnya diisi pasukan yang memiliki jurulatih asing. Tempat keempat dan kelima, JDT II dibimbing oleh Rajco Magic dan N. Sembilan di bawah kendalian V. Sundramoorthy kurang satu mata daripada Felda.

Kedah dengan David Mitchell dan Sabah dilatih oleh Milomir Saslijer berada di tangga keenam dan ketujuh dengan 13 mata, diikuti SPA FC, DRB Hicom, Perlis, UiTM dan pasukan tangga tercorot, PBAPP yang dilatih oleh Yunus Alif.

Perjalanan masih jauh. Mungkin ada yang bangkit dan ada yang jatuh. Namun Liga kita sebenarnya makin menarik untuk ditonton. Meminjam kata-kata Hafizal Hamad - Ini rumah kita - ini liga kita. Saya menambah hanya kita menentukan Ianya terbaik, Ianya the Best dan paling Kaw.

